WAKTU SOLAT
JOHOR BAHRU
(20—24JULAI 09)

SUBUH : 5.44
SYURUK : 7.05
ZOHOR : 1.13
ASAR : 4.37
MAGHRIB : 7.18
ISYAK : 8.31

TAZKIRAH

PANITIA PEND. ISLAM SMT PERDAGANGAN JOHOR BAHRU

BIL . 01 REJAB 1430 H / JULAI 2009 EDISI TERHAD

BULAN INI DALAM SEJARAH

REJAB

26 hb & 27 Rejab
Pada tarikh tersebut berlaku Israk dan Mikraj. Israk bererti perjalanan malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa di Palestin dan Mikraj ialah perjalanan naik ke langit dengan menjelajahi tujuh lapis langit hingga ke Sidratul Muntaha. Kedua-dua perjalanan itu berlaku dalam tempoh satu malam, dengan menaiki Buraq bersama-sama Malaikat Jibril, pada tahun ke-11 kenabian baginda Rasulullah s.a.w



Peristiwa Israk dan Mikraj....

Peristiwa Israk dan Mikraj terjadi pada bulan Rejab yang banyak keberketannya ini, berlaku pada 27 Rejab, setahun sebelum Hijrah. Peristiwa Israk Mikraj yang dialami Rasulullah s.a.w ribuan tahun dahulu, ketika ini tetap segar dalm ingatan orang-orang yang beriman. Peristiwa yang berlaku hanya dalam 3 suku malam itu sudah cukup untuk memberikan pengajaran bukan sahaja kepada baginda s.a.w, malah kepada seluruh umatnya sehingga ke hari kiamat.

ISRAK: PERJALANAN DARI MASJIDIL HARAM KE MASJIDIL AQSA

Sepanjang perjalanan (Israk) itu Rasulullah s.a.w diiringi (ditemani) oleh malaikat Jibrail dan Israfil. Tiba di tempat-tempat yang mulia dan bersejarah. Rasulullah s.a.w diarah oleh Jibrail supaya berhenti dan bersembahyang sebanyak 2 rakaat. Antaranya tempat-tempat berkenaan ialah:

1) Madinah, tempat di mana Rasulullah s.a.w akan melakukan hijrah.
2) Bukit Tursina, iaitu tempat Nabi Musa a.s menerima wahyu daripada Allah
3) Baitul-Laham (tempat nabi Isa a.s dilahirkan.

Dalam perjalanan itu juga Rasulullah s.a.w dapat menyaksikan peristiwa yang ajaib, antaranya:

1) **kaum yang sedang bertanam dan terus menuai hasil tanaman** mereka dan apabila dituai, hasil yang baru keluar semula seolah-seolah belum lagi dituai. Hal ini berlaku berulang-ulang. Rasulullah s.a.w diberitahu oleh Jibrail a.s bahawa itulah kaum yang berjihad fisabilillah yang digandakan pahala kebajikan sebanyak 700 kali ganda bahkan lebih dari itu.
2) **Tempat yang berbau harum**. Rasulullah s.a.w yang diberitahu oleh Jibrail: itulah bau kubur Masyitah (tukang sisir rambut anak Firaun) bersama suaminya dan anak-anaknya termasuk bayinya yang dibunuh oleh Firaun kerana keimanannya yang teguh terhadap Allah (tidak mahu mengaku Firaun sebagi tuhan walaupun diancam bunuh).
3) **Sekumpulan orang yang sedang memecahkan kepala mereka.** Setiap kali dipecahkan, kepala mereka sembuh kembali, lalu dipecahkan semula. Demikian dilakukan berkali-kali. Jibrail memberitahu Rasulullah s.a.w: itulah orang-orang yang berat kepala (malas) untuk sujud (solat).
4) **Sekumpulan orang yang hanya menutup kemaluan** mereka dengan secebis kain. Mereka dihalau seperti binatang ternakan. Mereka makan bara api dan batu dari neraka Jahanam. Kata Jibrail: itulah orang-orang yang tidak ...

Bersambung di muka surat belakang.....

DIALOG IBLIS DENGAN RASULULLAH S.A.W

Soalan Nabi s.a.w: "hai Iblis! Siapakah sebesar-besar musuh engkau dan bagaimana aku terhadap engkau?"
Jawapan Iblis: "Ya Nabi Allah, tuanlah musuh hamba yang paling besar antara segala musuh hamba di muka bumi ini".

Soalan Nabi s.a.w: "apakah rahsia engkau kepada umatku?"
Jawapan Iblis : "jika seorang Islam pergi membuang air besar serta tidak membaca doa pelindung syaitan, maka hamba gosok-gosokkan najisnya sendiri ke badannya tanpa dia sedari".

Sedikit dari editor

Assalamualaikum kepada para warga SMTPJB...sekiranya anda ada sebarang idea atau artikel menarik untuk diterbitkan serta dikongsi bersama, sila hantarkannya kepada Ustaz atau Ustazah kelas anda .
Semoga dengan sedikit bacaan ini menambahkan lagi charger keimanan kita…

Did u know? ...Akulah Wathiin, karier aku ialah membuat orang yang ditimpa musibah agar dia berputus asa terhadap rahmat Allah.

JENIS-JENIS SYAITAN

1. **Zalituun** = duduk di pasar/kedai supaya manusia hilang sifat jimat cermat. Mengoda supaya manusia berbelanja lebih dan membeli barang-barang yang tidak diperlukan.
2. **Wathiin** = pergi kepada orang yang mendapat musibah supaya berburuk sangka terhdap Allah.
3. **A'awan** = menghasut sultan/raja/pemerintah supaya tidak mendekati rakyat. Seronok dengan kedudukan/kekayaan sehingga terabai kebajikan rakyat dan tidak mahu mendengar nasihat para ulama.
4. **Haffaf** = berkawan baik dengan kaki botol. Suka menghampiri orang yang berada di tempat maksiat

ISLAM DAN SAINS

Mengapa Islam menyuruh di sebat 100 kali orang belum berkahwin yang berzina, dan merejam sehingga mati org yg sudah berkahwin yang berzina? Badan manusia akan mengeluarkan sel-sel darah putih atau antibiotik yg dapat melawan penyakit. Dan sel-sel ini terdapat di daerah tulang belakang, berdekatan dengan sum-sum tulang manusia. Lelaki yang belum berkahwin dia akan dapat mengeluarkan beribu-ribu sel ini, manakala lelaki yang sudah berkahwin hanya dapat menghasilkan 10 unit sel ini sehari, kerana antara sebabnya ialah kerana sel-sel lain akan hilang kerana perhubungan suami isteri. Jadi apabila lelaki yang belum berkahwin didapati salah kerana zina hendaklah disebat 100 kali. Ini adalah kerana apabila dia disebat di belakangnya, suatu amaran tentang
kesakitan !itu akan membuatkan penghasilan beribu sel antibiotik yang dapat melawan virus HIV jika ia ada di badannya, dengan itu dapatlah antibody melawan virus HIV itu. Tetapi jika lelaki itu sudah berkahwin, walaupun disebat 100 kali ia akan tetap menghasilkan 10 unit antibody sahaja, jadi dengan itu hukumannya direjam hingga mati agar dia tidak dapat merebakkan virus HIV itu.

Sambungan dari muka surat pertama...

...orang-orang yang tidak mengeluarkan zakat harta mereka.

5) **Satu kaum lelaki dan perempuan yang memakan daging mentah yang busuk** sedangkan daging masak ada di sisi mereka.kata jibrail:itulah lelaki dan perempuan yang melakukan zina sedangkan lelaki dan perempuan itu masing-masing mempunyai isteri/suami.'
6) **Lelaki yang berenang dalam sungai darah** dan di lontarkan batu.kata jibril :itulah orang yang makan riba.
7) **Lelaki yang menghimpun seberkas kayu dan dia tak terdaya memikulnya**,tapi di tambah lagi kayu yang lain.kata jibrail:itulah orang tak dapat menunaikan amanah tetapi masih menerima amanah lain.
8) **Satu kaum yang sedang menggunting lidah dan bibir mereka** dengan penggunting besi berkali-kali.setiap kali di gunting,lidah dan bibir mereka kembali seperti biasa.kata jibrail:itulah orang yang membuat fitnah dan mengatakan sesuatu yang dia sendiri tidak melakukannya.
9) **Kaum yang mencakar muka dan dada mereka dengan kuku tembaga** mereka.kata jibril:itulah orang yang memakan daging manusia(mengumpat) dan menjatuhkan maruah(mencele dan menghinakan)
10) **Seekor lembu jantan yang besar keluar dari lubang yang sempit.tak dapat di masukinye** semula lubang itu.kata jibrail:itulah orang yang bercakap besar(takabbur).kemudian rumasan,tapi sudah terlambat.
11) **Seorang perempuan dengan dulang yang penuh dengan pelbagai perhiasan** rasulullah tidak mempedulikannye. Kata jibrail:itulah dunia.jika Rasulullah memberi perhatian kepadanye,nescaya umat islam akan mengutamakan dunia daripada akhirat.
12) **Seorang perempuan tua duduk di tengah jalan** dan menyuruh rasulullah berhenti.rasulullah tidak menghiraukannya.kata jibrail:itulah orang yang mensia-siakan umurnya sampai hari tua.
13) **Seorang perempuan bongkok menahan rasulullah** untuk bertanyakan sesuatu.kata jibrail:itulah gambaran umur dunia yang sangat tua dan menanti saat hari kiamat.

Setibanya di masjid al-aqsa,rasulullah turun dari buraq.kemudian masuk ke dalam masjid dan mengimamkan sembahyang dua rakaat dengan segala anbia' dan mursalin menjadi makmun.

Rasulullah terasa dahaga,lalu di bawa jibrail dua bejana yang berisi arak dan susu.rasulullah memilih susu lalu di minumnya.kata jibrail:baginda membuat pilihan yang betul.jika arak itu di pilih,nescaya ramai umat baginda akan menjadi sesat.